

PSB - Bahagian Arkib

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Tuesday, 30 April, 2019 2:22 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM Didik Warga Kampus Tentang Bahaya Aedes



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

30 APRIL 2019 / 24 SYAABAN 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

UUM DIDIK WARGA KAMPUS TENTANG BAHAYA AEDES



UUM ONLINE: UUM mendidik warga kampus tentang bahaya nyamuk Aedes yang menjadi punca peningkatan demam denggi selain membudayakan amalan kebersihan dalam hidup sempena Majlis Perasmian IPT Bebas Denggi 2019 peringkat UUM.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Hendrik Lamsali berkata, program ini bertujuan memastikan kawasan IPT bebas denggi selain memupuk kesedaran dalam kalangan pelajar tentang pencegahan dan membendung penularan kes denggi.

Pada peringkat permulaan, program ini akan dijalankan di Inasis YAB dan Inasis Muamalat sebagai inasis yang terpilih dalam pertandingan IPT Bebas Denggi Tahun 2019.

“Ini merupakan penyertaan kali kedua PKUUUM mewakili UUM dalam anugerah ini setelah muncul juara pada tahun lalu dan pada tahun ini, Inasis YAB dan Muamalat terpilih mewakili UUM dalam kategori kolej kediaman,” ucapnya ketika menyempurnakan majlis di Inasis Muamalat, UUM.

Beliau mengingatkan warga kampus tentang pentingnya untuk menjaga kebersihan dan persekitaran kampus yang memerlukan kerjasama semua pihak supaya dapat mengelakkan penyakit berbahaya seperti demam denggi, membendung wabak Zika dan Cikungunya.

Jelasnya, dalam usaha mengurangkan tempat pembiakan nyamuk Aedes, UUM telah mengambil inisiatif untuk mengurangkan penghasilan sampah dengan memperkenalkan program SMART CAMPUS 3R.

Program ini menggalakkan pelajar untuk menjual barangan yang boleh dikitar semula dan hasil jualan akan dimasukkan ke dalam aplikasi Kiple Pay pelajar justeru, pelajar boleh menjana pendapatan sampingan dengan hanya bermodalkan barangan yang pada biasanya dibuang.

“Program Smart Campus 3R ini adalah selaras dengan kehidupan kampus dan akan menaikkan ranking universiti dalam *greenmetric*.

“Pelajar digalakkan untuk menyertai program Trash Hero sebagai satu inisiatif lain bagi menyokong kempen 3R dan pengurangan sampah bukan sahaja dalam kampus malah di luar kampus.

Pada majlis sama beliau turut merasmikan mesin ULV baharu PKUUUM dan program SMART CAMPUS sebelum menyampaikan hadiah kepada pemenang video pendek 3R dan Denggi .

Tempat Pertama dirangkul oleh kumpulan yang menyediakan video bertajuk *Reduce, Reuse, Recycle & Free from Dengue!*, diikuti 3R & Denggi manakala tempat ketiga bertajuk Denggi Membawa Padah.

Sementara itu, siswi Fathin Nabilah Mohd Razif menyifatkannya sebagai satu inisiatif yang baik untuk memupuk kesedaran dalam kalangan mahasiswa tentang pencegahan denggi yang kreatif serta pengurusan sampah yang baik.

Ujarnya, program seumpama ini mendidik warga kampus tentang bahaya nyamuk aedes yang menjadi punca peningkatan demam denggi selain membudayakan amalan kebersihan dalam hidup.

“Dengan adanya pertandingan sebegini kesedaran dalam kalangan warga kampus akan meningkat memandangkan pengawalan denggi dari awal dapat mencegah demam denggi dari merebak sekali gus menurunkan kes demam denggi.

UUM komited membasmi aedes melalui pelbagai usaha yang dijalankan melalui kempen, latihan dan taklimat dalam memastikan UUM bebas aedes

“Dengan cara ini pelajar tahu tentang aedes, kenal bagaimana aedes, cari tempat pembiakan dan membantu membasmi penyakit bawaan vektor berbahaya ini,” katanya yang juga salah seorang dari kumpulan yang mendapat tempat pertama bagi pertandingan video pendek 3R dan Denggi.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.